

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## Produk Baharu Sime Darby Property di Subang Jaya Mendapat Permintaan Tinggi Dengan Tempahan Melebihi 90%

- Dengan harga bermula daripada RM680,000, Teja merupakan fasa pembangunan terakhir untuk kediaman berdensiti rendah di SJCC;
- Pembangunan ini memperkenalkan tiga pelan lantai yang direka khas untuk memenuhi pelbagai keperluan gaya hidup serta menggabungkan elemen keselesaan, elegan dan utiliti.

**ARA DAMANSARA, 31 MEI 2023 –** Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) terus membentuk industri perumahan di perbandaraan Subang Jaya dengan tawaran baru yang inovatif. Pelancaran terbarunya Teja merupakan projek kediaman berdensiti rendah yang terletak di Subang Jaya City Centre (“SJCC”) dan berjaya mencapai kadar pengambilan 93% sewaktu perlancarannya baru-baru ini. Pencapaian ini membuktikan daya tarikan dan kepercayaan yang berterusan daripada pelabur dan pembeli rumah terhadap pembangunan Sime Darby Property.

Teja merangkumi komitmen Sime Darby Property yang tidak berbelah bahagi kepada gaya dan kualiti dan membawa Nilai Pembangunan Kasar (“Gross Development Value” atau “GDV”) sebanyak RM212 juta. Pembangunan ini menawarkan 244 unit pegangan bebas, dengan hampir kesemuanya ditempah dalam masa 48 jam sewaktu pelancaran menerusi Sistem Tempahan Dalam Talian (“Online Booking System” atau “OBS”) Syarikat. Selain itu, 27 unit Servis Apartmen Mampu Milik (“SAMM”) pula dijangka untuk memasuki pasaran tidak lama lagi.

Dengan harga bermula daripada RM680,000, Teja merupakan fasa pembangunan terakhir untuk kediaman berdensiti rendah di SJCC. Pembangunan ini memperkenalkan tiga pelan lantai yang tersendiri, setiap satu direka untuk memenuhi pelbagai keperluan gaya hidup yang berbeza serta menggabungkan elemen keselesaan, elegan dan utiliti. Pembeli-pembeli terawal Teja akan mendapat kabinet dapur, penyaman udara, kunci digital dan pemanas air secara percuma di kediaman masing-masing sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan semangat mereka terhadap jenama Sime Darby Property.

Unit Jenis A, bersaiz 800 kaki persegi, direka dengan dua bilik tidur dan dua bilik air. Unit Jenis B menawarkan saiz yang lebih besar dengan 980 kaki persegi dan dilengkapi dengan 3+1 bilik tidur dan dua bilik air. Unit Jenis C merupakan unit yang terbesar dengan ruang seluas 1,150 kaki persegi, dilengkapi dengan 3+1 bilik tidur dan dua bilik air.

Kejayaan ini diperoleh dalam jangka tiga bulan selepas kejayaan pelancaran Serasi di Putra Heights. Ini membuktikan bahawa permintaan pasaran yang berterusan menandakan keinginan pelanggan untuk membeli rumah yang berkualiti tinggi dalam perbandaran yang berkembang

maju. Kepakaran Sime Darby Property dalam memahami trend pasaran dan menawarkan keperluan gaya hidup yang berbeza jelas dipamerkan melalui pembangunan bertingkat tinggi.

“Sambutan yang menggalakkan kepada Teja melambangkan dedikasi Sime Darby Property untuk memenuhi keperluan pelanggan kami,” kata Ketua Pegawai Pemasaran & Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei. “Keyakinan daripada pasaran ini mengukuhkan komitmen kami untuk memenuhi pelbagai keperluan gaya hidup.”

Teja, berdekatan dengan Empire Shopping Gallery dan hanya 2km dari parc (sebelumnya dikenali sebagai Taman Rekreasi Subang Ria), menawarkan penduduk pelbagai kemudahan, termasuk ruang kerja bersama, ruang acara, lokar simpanan barang dan ruang menunggu e-hailing dan barang penghantaran. Lokasinya yang strategik, berdekatan LRT/KTM Subang Jaya dan LRT SS15, menjamin penghubungan yang cemerlang.

Dalam usaha berterusan untuk mempamerkan inovasi, Sime Darby Property amat berbangga untuk mengumumkan pelancaran parc secara tentatifnya pada suku ketiga 2023. Projek ini dilaksanakan sebagai satui tanda penghargaan terhadap komuniti di Subang Jaya. Ia bertujuan menghidupkan semula ruang kongsi, memupuk hubungan yang lebih kukuh antara komuniti dan alam semula jadi, dan memperjuangkan kelestarian.

“Diinspirasikan oleh taman komunal dan taman permainan di kala yang lalu, parc berusaha untuk mewujudkan semula rasa kehidupan secara berkomuniti. Ia menggalakkan penyertaan aktif dalam memulihkan ruang perkongsian di kalangan penduduk. Parc direka sebagai hub sosial dan alam sekitar dan bertujuan menjadikan amalan hidup lestari yang seronok dan penting dalam kehidupan seharian kita,” kata Datuk Lai.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang tawaran gaya hidup dan komuniti di Sime Darby Property, sila layari [www.simedarbyproperty.com/subang-jaya-sjcc/teja](http://www.simedarbyproperty.com/subang-jaya-sjcc/teja) dan [www.simedarbyproperty.com/esg/parc](http://www.simedarbyproperty.com/esg/parc).

- TAMAT SIARAN -

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah ‘The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards’. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai ‘EdgeProp Malaysia’s Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021’, serta pemenang bagi anugerah ‘Building Trust Awards 2021’ PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)  
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)  
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)